

UKM buka cawangan di Doha

Firdaus Hashim
firdaushashim@hmetro.com.my



KETUA Pegawai Eksekutif The Regional Group, Sheikh Abdul Rahman Bin Khalifa Bin A A Al Thani (tengah) dan Pro Naib Canselor UKM Kampus Kuala Lumpur, Prof. Dato' Dr. Hanafiah Harunarashid (dua kanan) menunjukkan dokumen perjanjian penawaran program UKM cawangan Doha. FOTO ihsan UKM

Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengorak langkah apabila bakal membuka cawangan di Doha, Qatar, dengan pengambilan pelajar sulung adalah pada September ini.

Naib Canselor, Prof Datuk Ts Dr Mohd Ekhwan Toriman berkata, pembukaan cawangan UKM di negara itu akan meningkatkan kerjasama dalam perundingan dan penyelidikan selain daripada penawaran kursus dan memantapkan jenama UKM di negara Teluk.

"UKM amat berbangga dengan pengiktirafan ini. Sebagai sebuah universiti watan, UKM akan terus memberikan perkhidmatan pendidikan yang terbaik dalam merentasi sempadan dunia," katanya.

Beliau berkata, pembukaan cawangan UKM di Doha adalah projek kerjasama dengan The Regional Group sebuah syarikat yang menguruskan bidang pembangunan harta tanah, pengurusan aset, pertanian, pelaburan saham dan khidmat perundingan kejuruteraan.

"Melalui perjanjian yang ditandatangani pada 26 Mac lalu, UKM bersetuju menawarkan program peringkat prasiswazah dan pascasiswazah secara persisir (offshore) di Doha.

"The Regional Group bertanggungjawab dalam pengurusan program, pemasaran dan menyediakan kemudahan dan infrastruktur untuk sesi pengajaran dan pembelajaran.

"UKM pula bertanggungjawab menyediakan input akademik membabitkan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, jaminan kualiti dan pengijazahan," katanya.

Beliau berkata, UKM juga berbangga kerana dalam tempoh dua hingga lima tahun lagi, The Regional Group bersetuju untuk membiaya pembinaan kampus cawangan UKM di Qatar.

Katanya, program 'offshore' dijangka akan mula ditawarkan pada Oktober 2022 dengan kumpulan pertama pelajar akan mengikuti program sarjana muda.

"Antara program yang akan ditawarkan adalah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Sistem Maklumat), Sarjana Muda Kejururawatan dan Sarjana Muda Sains (Teknologi Kimia).

"Kita mensasarkan pelajar yang akan mengikuti pengajian di UKM cawangan Doha adalah dalam kalangan rakyat Qatar itu sendiri dan juga rakyat negara lain yang bekerja di Qatar dan dari negara Teluk," katanya.

Selain penawaran program secara offshore, Ekhwan berkata, pihak Qatar turut berminat mendapatkan khidmat kepakaran UKM dalam kerja perundingan dan penyelidikan untuk projek di Qatar.

"Melalui pembukaan UKM cawangan Doha ini, ia akan dapat meningkatkan penjanaan universiti disamping menyebarluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang lain ke peringkat antarabangsa.

"Terima kasih kepada kerajaan Qatar kerana membenarkan UKM membuka cawangan di Doha. Saya percaya dengan kerjasama ini, UKM khususnya Malaysia dan Qatar dapat mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang," katanya.

Pembukaan cawangan UKM di Doha dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semasa lawatan kerjanya di negara itu, baru-baru ini.

Disiarkan pada: April 2, 2022 @ 3:15pm